

5 (a) Sifat tawaduk merupakan sifat yang terpuji.

(i) Apakah maksud tawaduk?

[2 markah]

(ii) Jelaskan dua sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.

[4 markah]

Sifat tawaduk punca ilmu berkat

(iii) Huraikan pendapat anda tentang perkara di atas.

[4 markah]

(b) Setiap manusia tidak terlepas daripada diuji oleh Allah SWT dari segi kesihatan dan keupayaan diri.

(i) Jelaskan adab terhadap orang kurang upaya dari aspek fizikal.

[2 markah]

(ii) Terangkan dua hikmah beradab kepada orang kurang upaya.

[4 markah]

(iii)

Kasih! Bekas pesakit Covid-19 hilang kerja sebab majikan tak berilmu, orang sekeliling takut nak dekat – “Bukan sampai mati ada pada tubuh”

Khamis, 11 Mac 2021 12:00 PM
Oleh THUANIZA SA'D

Dipetik daripada akhbar MStar Online, 11 Mac 2021

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan pendapat anda tentang situasi tersebut.

[4 markah]